

R B555 BAH
MAHATHIR - EKONOMI
(EMBARGO: UNTUK SIARAN SELEPAS 10.30 MALAM INI)

PETALING JAYA, 15 JUN (BERNAMA) -- KERAJAAN AKAN MENSWASTAKAN PERUSAHAAN-PERUSAHAAN YANG DIMONOPOLINYA APABILA IA YAKIN RAKYAT TERUTAMA BUMIPUTERA SUDAH MAHU MEMILIKI SAHAM DALAM PERUSAHAAN-PERUSAHAAN GERGASI.

NEGARA TELAH MENGHAALKAN SISTEM EKONOMI PASARAN KERANA IA MEMBOLEHKAN PIHAK SWASTA HEHAINKAN PERANAN YANG BERKESAN DALAM MEMBANGUNKAN EKONOMI NEGARA, KATA PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD SEHASA BERUCAP PADA MAJLIS HAKAN MALAM KESATUAN KEBANGSAAN WARTAWAN (NUJ) DI HOTEL HILTON DI SINI, MALAM INI.

BELIAU BERKATA MALAYSIA HENGGUNAKAN PERUSAHAAN DAN AGENSI HILIK NEGARA SERTA PERANCANGAN PUSAT UNTUK MENENTUKAN NEGARA TIDAK TERLALU DIKUASAI OLEH PEMODAL-PEHODAL.

+TETAPI APABILA SAMPAI MASA YANG, KITA YAKIN RAKYAT, TERUTAMANYA BUMIPUTERA, SUDAH MAMPU MEMILIKI SAHAM. DALAM PERUSAHAAN-PERUSAHAAN GERGASI DAN AGIHAN DAPAT DIBUAT SECARA ADIL DAN SAKSAMA, MAKA KITA SWASTAKAN PERUSAHAAN-PERUSAHAAN MONOPOLI KERAJAAN, + KATANYA.

+KEJAYAAN STRATEGI KERAJAAN INI ADALAH NYATA. HASILNYA IALAH KITA MENDAPAT KHIDMAT YANG LEBIH BAIK, MEREKA YANG MENDAPAT SAHAM DAN SANGGUP MENYIMPANNYA MENIKMATI KEUNTUNGAN, NILAI SAHAM MENINGKAT DAN KERAJAAN MENDAPAT HASIL DARIPADA JUALAN. DAN DARIPADA CUKAI YANG BERTAMBAH DENGAN TIDAK PAYAH MEMBIAYAI MODAL DAN PENGURUSAN PERUSAHAAN-PERUSAHAAN INI, + TAMBAHNYA, -- LAGI
2121MST 15 06 90

R B556 BAH
MAHATHIR - EKONOMI 2 PETALING JAYA (EMBARGO)

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA SEKIRANYA MALAYSIA TERSILAP JALAN DAN MEMILIH SISTEM SOSIALIS SEPERTI YANG DIBUAT OLEH BANYAK NEGARA YANG MENCAPAI KEMERDEKAAN SELEPAS PERANG DUNIA KEDUA, EKONOMI MALAYSIA HARI INI MUNGKIN MEROSOT SEPERTIMANA YANG DIALAMI OLEH NEGARA-NEGARA TERSEBUT.

KATANYA, DI NEGARA INI PENGIKUT-PENGIKUT IDEOLOGI SOSIALIS SEKARANG MENERIMA SISTEM YANG DIPILIH OLEH KERAJAAN, WALAUPUN MEREKA TIDAK SANGGUP MENGAKUI BAHAWA KERAJAAN BIJAK MEMILIH SISTEM INI SEDARI AWAL.

+SUDAH TENTU MEREKA TIDAK AKAN MENYOKONG KERAJAAN. MEREKA MASIH CUBA MENEGAKKAN BENANG YANG BASAH, + KATANYA.

BELIAU BERKATA MELALUX SISTEM PRAGMATISMA YANG DIAMALKAN, KERAJAAN MEMILIH YANG BAIK DARIPADA APA JUGA SISTEM ATAU IDEOLOGI DENGAN MENOLAK YANG TIDAK BAIK, SERTA TIDAK MENGIKAT DIRI KEPADA APA JUGA IDEOLOGI ATAU PUN TAFSIRAN IDEOLOGI.

+BAHAYA MENGIKATKAN DIRI KEPADA SESUATU IDEOLOGI IALAH APABILA SESUATU DIBUAT ATAS NAMA IDEOLOGI ITU, MAKA BAIK ATAU BURUK, KITA TERPAKSA MENERIMANYA, + JELASNYA.

PERDANA MENTERI BERKATA SEBAHAGIAN DARIPADA KEGAGALAN SISTEM KOMUNIS ATAU SOSIALIS IALAH KERANA ADANYA BERMACAM-MACAM PENYALAHGUNAAN KUASA MALAHAN JENAYAH DILAKUKAN ATAS NAMA IDEOLOGI-IDEOLOGI TERSEBUT. -- LAGI
2126MST 15 06 90

R B557 B A H
MAHATHIR - EKONOMI 3 PETALING JAYA (EMBARGO)

+DAN JENAYAH SEPERTI INI BOLEH JUGA BERLAKU DALAM APA JUGA IDEOLOGI DAN SISTEM, TERMASUK SISTEM LIBERAL DEMOKRASI,+ KATANYA. DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA MALAYSIA MENERIMA PRINSIP-PRINSIP DEMOKRASI TETAPI AMALANNYA MESTILAH SESUAI DENGAN KEADAAN DALAM NEGARA YANG TERDIRI DARIPADA PELBAGAI KAUM, BAHASA, AGAMA DAN KEBUDAYAAN.

+TAHAP PEMBANGUNAN NEGARA KITA TIDAK SAMA DENGAN NEGARA-NEGARA MAJU. SEMASA NEGARA-NEGARA MAJU BERADA DI TAHAP KITA, MEREKA JUGA TIDAK MENGAMALKAN SISTEM DAN NILAI YANG MEREKA AMALKAN SEKARANG.+

+JIKA ADA PERBEZAAN ANTARA AMALAN DEMOKRASI KITA DENGAN DEMOKRASI NEGARA BARAT, JANGANLAH ANGGAP BAHAWA KITA TIDAK DEMOKRATIK,+ KATANYA.

BELIAU BERKATA MASIH TERDAPAT SESETENGAH PIHAK DI NEGARA INI YANG MENYATAKAN JIKA SESUATU ITU DIBUAT ATAU DIAMALKAN OLEH BARAT, IA TETAP DEMOKRATIK TETAPI JIKA DITEROKAI OLEH MALAYSIA, IA TIDAK DEMOKRATIK.

+MENTALITI HAMBA ATAU SLAVISH MENTALITY ATAU COLONIAL MENTALITY INI AMATLAH SUKAR DIKIKISKAN DARIPADA ORANG SEPERTI INI. INFERIORITY COMPLEX MASIH MENGUASAI MEREKA,+ UJARNYA. -- BERNAMA
2131MST 15 06 90

D182

R B567 B A H
MAHATHIR - EKONOMI 4 (B557)

ISTERI/PERDANA MENTERI DATUK SERI DATIN PADUKA DR SITI HASMAH MOHD ALI, MENTERI PENERANGAN DATUK MOHAMED RAHMAT DAN MENTERI KEBUDAYAAN DAN PELANCONGAN DATUK SABBARUDDIN CHIK ADALAH ANTARA 600 ORANG YANG HADIR PADA MAJLIS ITU.

PARA TETAMU TELAH DIHIBURKAN DENGAN ACARA HIBURAN YANG DIJAYAKAN OLEH ARTIS-ARTIS TEMPATAN TERMASUK NORSHEILA AMIN, N.D.LALA DAN RAMLAH RAM.-- BERNAMA
2314MST 15 06 90